

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

TARIKH : **22.10.2015**

SOALAN :

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah hutang Kerajaan kepada kontraktor yang telah menyiapkan sekolah, tetapi masih belum mendapat bayaran pada berakhir 31 Disember 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mempunyai dan menjalankan obligasi untuk membuat pembayaran apabila perolehan kerja selesai dilaksanakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh tuntutan diterima dengan lengkap dan sempurna. Hal ini selaras dengan syarat-syarat kontrak kerja dan peraturan-peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa.